

24 MAY 1996

Muhammad-Silicon

SELANGOR SEDIAKAN TANAH BAGI "LEMBAH SILIKON"

SHAH ALAM, 24 Mei (Bernama) -- Kerajaan Selangor bersetuju menyediakan sebidang tanah bagi membangunkan "Lembah Silikon" dalam usaha kerajaan menjayakan rancangan Koridor Raya Multimedia, kata Menteri Besar Tan Sri Muhammad Haji Muhamad Taib.

Sambil mengalu-alukan usaha Kerajaan Pusat membawa pelaburan dalam bidang komputer dan teknologi tinggi yang canggih ke Malaysia, beliau berkata keputusan itu tepat sekali untuk mencapai matlamat Wawasan 2020.

"Pada dasarnya kita setuju sediakan sebidang tanah di antara Lapangan Terbang Antarabangsa KL, kompleks pentadbiran baru Putra Jaya dan Kuala Lumpur bagi membangunkan "Lembah Silicon" di Malaysia," katanya kepada pemberita selepas melancarkan Bulan Zakat Negeri Selangor di sini, hari ini.

Bulan Zakat itu yang bertemakan " Berzakat Membentuk Ummah cemerlang" dianjurkan oleh Majlis Agama Islam Negeri Selangor, Pusat Pungutan Zakat Negeri Selangor dan Dewan Perniagaan Melayu Malaysia cawangan Selangor.

Tanpa menyebut keluasan tanah dan lokasi tapak itu, beliau berharap ia akan menjadi titik permulaan bagi mewujudkan lembah seumpama itu di seluruh negara.

Semasa melawat Amerika Syarikat minggu lepas, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengunjungi Lembah Silicon, ibu kota teknologi tinggi dunia termasuk Taman Teknologi Tinggi Universiti Stanford untuk meninjau perkembangan terkini di lembah itu.

Lawatan Perdana Menteri itu untuk menarik pelaburan dalam bidang itu ke Malaysia dan mendorong syarikat-syarikat asing berpindah ke Malaysia supaya memanfaatkan pelbagai insentif yang disediakan dalam rancangan Koridor Raya Multimedia yang sedang dimajukan itu.

Ketika berucap, Muhammad mencadangkan supaya sistem pentadbiran zakat dipusatkan demi kepentingan taraf hidup umat Islam yang masih ramai tenggelam dalam himpitan kemiskinan.

Beliau berkata kutipan zakat secara berpusat dengan satu tenaga akan membawa dana yang besar yang agihannya dapat disampaikan kepada semua yang memerlukan bantuan.

Katanya, kutipan zakat berpusat itu boleh mencontohi penubuhan Lembaga Urusan dan Tabung Haji dan beliau mengesyorkan penubuhan satu badan kebangsaan seperti Lembaga Urusan Zakat Kebangsaan untuk memastikan kutipan zakat yang sistematik, cekap, profesional bagi memastikan keadilan dalam pengagihan zakat mengikut asnaf-asnaf tertentu.

-- BERNAMA

KM AHH